

# Usah sampai kedaulatan negara tergadai

BH-18/3/2007

## Pemeteraian FTA Malaysia-Amerika harus beri manfaat kedua-dua pihak



**DILUAR LINGKARAN**  
Bersama Johan Jaaffar  
e-mel:zulujj@tm.net.my

**M**ALAYSIA adalah negara dagang yang ke-18 terbesar di dunia. Malah, nilai dagang dalam setahun kini mencecah lebih RM1 trilion. Negara ini tidak pernah menutup pintunya untuk pedagang dari seluruh pelusok dunia. Sepanjang 50 tahun negara ini merdeka, perdagangan menjadi teras bagi menjana ekonomi dan memakmurkan rakyatnya.

Sudah tentulah Malaysia berdagang dengan banyak negara di dunia. Rakan dagang paling besar bagi negara ini ialah Amerika Syarikat (AS). Malah, Malaysia ialah rakan dagang Amerika yang ke-10 terbesar dengan nilai dagang dua hala melebihi RM162 bilion setahun.

Malah, jika dilihat antara 2002 hingga 2006 misalnya, eksport Malaysia ke Amerika mencatatkan pertumbuhan melebihi 50 peratus. Malaysia kini mengimport lebih banyak barang Amerika berbanding ekonomi yang lebih besar seperti India dan Indonesia.

Sudah pasti kedua-dua negara mahukan keterbukaan dan liberalisasi dagang lebih baik. Prinsipnya ialah dasar itu harus menguntungkan kedua-dua pihak.

Kedua-dua negara mengharapkan perdagangan dua hala yang boleh ditingkatkan sekiranya liberalisasi dagang berlaku dengan cara lebih saksama. Namum, dalam konteks dagang, 'kesaksamaan' boleh menjadi relatif.

Begitu halnya dengan perundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara Malaysia dengan Amerika yang sedang berjalan sekarang. Ia menjadi isu penting dan tentunya mengundang banyak kontroversi. Pada akhirnya FTA ini tidak dilihat sekadar isu perjanjian dagang, tetapi lebih daripada itu. Banyak pihak melihat FTA ini membabitkan soal kedaulatan negara dan menjaga kepentingan nasional.

Tidak hairanlah jika terdengar banyak suara menentang FTA ini. Malah, wujud Gabungan Rakyat Membantah FTA AS-Malaysia yang dikatakan mewakili 42 pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Suara mereka langsung bertanyakan ketelusan perundingan itu, malah mereka mahukan perundingan itu dihentikan serta merta.

Mereka berasakan bahawa perjanjian ini seperti mahu 'disegerakan' akibat desakan Amerika. Mereka percaya bahawa dengan termeterainya perjanjian itu kelak 'kepentingan Malaysia akan digadaikan'.

Selain desakan gabungan ini, banyak tulisan yang muncul dalam akhbar tempatan bertanyakan apa perlunya kerajaan meneruskan perun-

### INTI PATI

#### Kesan FTA

- Syarikat Malaysia tidak mampu menandingi syarikat Amerika dari segi modal, pengalaman, rangkaian, teknologi serta R&D.
- Malaysia belum ada kemahiran, ketrampilan, kekuatan dan kemampuan produktiviti untuk menandingi Amerika.
- FTA alasan untuk syarikat Amerika bertapak di negara ini. Lebih buruk lagi, selepas dikaji kos dan kebaikannya lebih menguntungkan syarikat Amerika untuk jangka panjang.
- Kemasukan syarikat Amerika menjejaskan dasar membantu Bumiputera, dasar memperbaiki dispariti pendapatan antara kaum dan intra-kaum, usaha membantu syarikat sederhana dan kecil.

dingan yang dikatakan berat sebelah itu. Masing-masing mempunyai pandangan tersendiri mengenai makna FTA bagi mereka.

Malangnya, sebahagian daripada suara dan bantahan ini tidak bertolak di atas fakta sebenar. Malah, sebahagian yang meluahkan rasa tidak senang tidak memahami isu sebenar membabitkan FTA ini. Ditambah dengan sedikit penjelasan daripada pihak berwajib, FTA menjadi medan baru perbezaan faham dan pendapat.

Semua itu baik untuk tujuan aka-

demik, tetapi akibat kurangnya pemahaman, isu sebenar hilang dalam keraguan, ketidaktahuan dan emosi melimpah.

Memang ada alasan untuk mencurigai FTA dengan Amerika. Sejarah membuktikan bahawa FTA yang ditandatangani dengan Amerika belum tentu menguntungkan negara yang terbabit. Memang benar dalam keadaan hari ini, tidak mungkin wujud padang sama rata bagi Malaysia dan Amerika. Malaysia negara membangun sedangkan Amerika adalah ekonomi terbesar dunia.

Jika dilihat dari segi kemampuan syarikat Malaysia, amat jelas kerdilnya kita dalam semua sektor dan disiplin. Hari ini, hanya sebuah syarikat Malaysia - Petronas yang tersenarai dalam 500 syarikat terbesar dunia menurut majalah *Fortune*. Sebahagian besar senarai 500 syarikat itu datang dari Amerika dan Jepun.

Dalam banyak hal, syarikat Malaysia tidak mampu menandingi syarikat Amerika dari segi modal, pengalaman, rangkaian, teknologi, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan sebagainya. Syarikat multinasional (MNC) dari Amerika bukan tandingan syarikat kita. Sekiranya, kita membuka pintu pada kegiatan pembuatan dan perkhidmatan kepada syarikat Amerika, harapan untuk kita bersaing amat tipis.

Dipendekkan cerita, kita belum mempunyai kemahiran, ketrampilan, kekuatan dan kemampuan produktiviti untuk menandingi mereka. Membuka pintu kita secara luas akan mengundang malapetaka. Bayangkan jikalau bank utama Amerika dibenarkan bertapak dan membuka sebanyak mungkin cawangan di Malaysia, mampukah bank kita bersaing?

Inilah sebahagian kebimbangan dibangkitkan mengenai FTA dengan Amerika. Memang, di atas kertas banyak manfaatnya pada kita. Syarikat kita boleh menembusi Amerika, peluang pemerolehan kerajaan (procurement) Amerika yang bernilai RM925 bilion setahun terbuka untuk kita, pelaburan langsung (FDI) dari Amerika akan mencurah masuk dan macam-macam lagi. Benarkah begitu?

Banyak yang bimbang bahawa FTA adalah alasan untuk syarikat Amerika bertapak di negara ini. Lebih buruk lagi ialah selepas dikaji kos dan kebaikannya akan lebih menguntungkan syarikat Amerika untuk jangka panjang.

Ada mengatakan benarkah syarikat Malaysia mendapat peluang untuk menikmati pemerolehan Kerajaan Amerika? Hakikatnya ialah hanya enam peratus pemerolehan Kerajaan Amerika yang jatuh ke tangan syarikat luar Amerika - itupun dikongsi dengan syarikat daripada 170 negara lain.

Apakah akan terjadi jika pemerolehan Kerajaan Malaysia dibuka kepada syarikat Amerika? Bukankah akan terjejas dasar membantu Bumiputera, dasar memperbaiki dispariti pendapatan antara kaum dan intra-kaum, usaha membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) atau sebarang dasar kejuruteraan sosial yang kita rencanakan untuk membantu rakyat kita?

Timbul juga isu membabitkan sektor pertanian. Kita tahu bahawa negara maju seperti Amerika memberikan subsidi luar biasa besarnya pada petani mereka. Petani ditakuti kerana mereka mempunyai kuasa lobi yang besar. Dalam sepanjang sejarah, Amerika amat kuat melindungi kepentingan petani. Nilai subsidi

untuk sektor pertanian di Amerika mencecah RM74 bilion setahun. Walaupun, jumlah subsidi di negara anggota Kesatuan Eropah (EU) lebih tinggi (RM314 bilion setahun), kesan FTA dengan Amerika bagi negara Amerika Latin jelas menunjukkan kesan buruknya.

Bayangkan jika ditiadakan tarif beras dari Amerika yang masuk ke sini. Pada masa ini, tarifnya ialah 40 peratus. Penanam padi kita tidak mampu untuk bersaing dengan penanam padi dari Thailand, apatah lagi dari Amerika.

Teknologi penanaman, R&D skala yang terbabit dan subsidi kerajaan menyebabkan mereka boleh melambatkan beras Amerika ke negara lain pada harga murah. Akibat FTA dengan Amerika, lebih dua juta petani Mexico dikatakan hilang mata pencarian.

Itu belum lagi isu membabitkan ubat-ubatan. Penentang FTA dengan Amerika khuatir bahawa ubat-ubatan akan berharga lebih mahal kerana hanya ubat dipatenkan akan dibenarkan di pasaran. Ubat-ubatan murah yang terhasil secara 'generic' tidak lagi dapat dijual secara bebas. Implikasinya pada rakyat amat membimbangkan, rakyat kita rata-rata belum bersedia membeli ubat-ubatan yang mahal.

Demikian sebahagian daripada keraguan yang memerlukan jawapan segera. Memang tidak mudah memastikan keadilan untuk semua dalam soal ini, tetapi kepentingan petani, petani dan rakyat kita harus sentiasa dipertahankan. Kita tidak mahu keadaan dengan kita menjaga hati Amerika sedangkan korbannya ialah rakyat kita. Pada masa sama, kita harus mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran globalisasi. Kita harus meningkatkan keupayaan syarikat kita.

Masa tidak menyebelahi kita. Oleh sebab itu, kerajaan menggerakkan usaha untuk melakukan konsolidasi dalam sektor perbankan, kewangan dan insurans. Demikian juga menggalakkan penggabungan atau 'merger' syarikat perladangan agar menjadi kukuh dan berdaya saing.

Proses konsolidasi, liberalisasi dan penguatan ini berjalan sekian lama. Sekiranya FTA ini menjadi kenyataan, ia menguji kekuatan dan ketahanan syarikat kita. Dunia tidak boleh menunggu kita. Demikian juga kita tidak boleh menunggu terlalu lama untuk membuka diri kita atau membabitkan diri sebagai pemain global.

Dari satu segi FTA dengan Amerika adalah peluang keemasan untuk mengorak langkah ke hadapan. Dari satu segi lain, ia harus dilaksanakan dengan hati-hati agar kepentingan kita tidak dikorbankan.

Dalam kita menyambut kemerdekaan tanah air ke-50 tahun ini, jangan kita lupa makna 'kemerdekaan' yang sebenar. Jangan sampai dek mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan.



**UNTUNG BERAT SEBELAH:** Penduduk Selatan Korea mengadakan tunjuk perasaan menentang Perjanjian Perdagangan Bebas dengan Amerika yang secara tidak langsung menjejaskan ekonomi penduduknya.